

27 JUL 1996

PM SAMPAIKAN UCAPAN DASAR PADA MESYUARAT KELAB HARVARD

KUALA LUMPUR, 27 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyampaikan ucapan dasar dan menyertai satu sesi dialog pada persidangan serantau empat hari yang mengumpulkan anggota Kelab Harvard Asia di sini mulai 14 Ogos.

Presiden Kelab Harvard Malaysia Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid berkata hari ini isu-isu semasa Asia akan dapat dibangkit, dibincang dan dikritik semasa persidangan yang bertemakan "Asia: Cabaran Masa Depan" itu.

Pembangunan ekonomi Asia Timur telah mula menyatasi negara-negara di Eropah Barat dan Amerika Utara tetapi sama ada perkembangan ekonomi yang dinamik itu dapat dikekalkan dalam dekad yang akan datang merupakan satu topik perdebatan, katanya dalam kenyataan di sini.

Antara yang akan turut berucap nanti ialah profesor terkemuka Harvard, Prof Jeffrey Sachs dan Prof Ezra Vogel serta Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak yang akan bercakap mengenai "Malaysia - Sebagai Sebuah Pusat Kecemerlangan Dalam Pendidikan".

Ahmad Sarji, Ketua Setiausaha Negara, berkata semasa persidangan itu akan diadakan majlis perasmian bagi Program Biasiswa Pentadbiran Masyarakat dan Pendidikan Malaysia untuk pegawai-pegawai perkhidmatan awam di Harvard Business School. Kelab itu juga akan melancarkan Home Pagenya dalam Internet.

Kelab Harvard Malaysia juga akan menyampaikan cek kepada Perpustakaan Negara Malaysia bagi memulakan "Sudut Harvard" yang akan menyediakan buku-buku sumbangan kelab itu. -- BERNAMA

RZS WE NMO